

236 pendatang ditahan di dua pusat hiburan

Johor Bahru: Jabatan Imigresen, Johor menahan 236 pendatang asing tanpa izin (PATI) dalam serbuan di dua pusat hiburan di Stulang Laut, di sini, malam kelmarin.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Imigresen, Jafri Embok Taha, berkata operasi bermula jam 11.50 malam hingga 2.15 pagi itu dijalankan berdasarkan maklumat awam dan risikan selama tiga minggu.

Beliau berkata, seramai 473 individu diperiksa dalam Ops Kutip

membabitkan 196 warga tempatan dan 277 warga asing.

“Semua PATI berusia antara 17 hingga 40 tahun yang ditahan terdiri daripada 111 wanita dan tiga lelaki warga Thailand, 43 wanita dan 13 lelaki warga Vietnam, 23 lelaki warga Bangladesh dan 14 lelaki warga India.

“Turut ditahan 10 lelaki warga Pakistan, tujuh lelaki warga Nepal, empat lelaki dan seorang wanita warga China, empat wanita warga Laos dan tiga lelaki warga Indonesia,” katanya pada sidang

media selepas operasi itu.

Yang turut hadir, Pengarah Imigresen Johor, Datuk Mohd Rusdi Mohd Darus.

Jafri berkata, semua warga asing berkenaan ditahan kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Seksyen 6(1)(c) kerana tidak memiliki pas atau permit yang sah dan Seksyen 15(1)(c) akta sama kerana tinggal lebih masa di negara ini.

Semua yang ditahan dibawa ke depoh tahanan imigresen di Kompleks Dalam Negeri Setia Tropika.

“semua warga asing berkenaan ditahan kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Seksyen 6(1)(c) kerana tidak memiliki pas atau permit yang sah dan Seksyen 15(1)(c) akta sama kerana tinggal lebih masa di negara ini”

Jafri Embok Taha,
Timbalan Ketua Pengarah
(Operasi) Imigresen

